

Banjir pulih sepenuhnya

Foto : Bernama



Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar menunjukkan sesuatu sewaktu membuat tinjauan hakisan pantai di Kampung Kolam, Mengabang Telipot, semalam.

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU – Banjir di Terengganu pulih sepenuhnya apabila semua pusat pemindahan yang dibuka bagi menempatkan mangsa ditutup secara rasmi, semalam.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Terengganu, Leftenan Kolonel (PA) Che Adam Rahman berkata, pusat pemindahan terakhir di Sekolah Kebangsaan (SK) Durian Mentangau, Dungun ditutup pada jam 3.40

petang.

Menurutnya, pusat pemindahan SK Gemuruh di Kuala Nerus yang menempatkan 126 mangsa pula ditutup pada jam 1 tengahari.

“Oleh itu, Bilik Gerakan Bencana Negeri Terengganu akan beroperasi dalam keadaan mod bersiap sedia (pasif) seperti biasa bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang pada hari bekerja iaitu Ahad hingga Khamis sehingga berakhirnya Monsun Timur Laut



● Semua pusat pemindahan tutup

sekitar Mac.

“Sekiranya berlaku bencana, Bilik Gerakan Bencana Negeri Terengganu akan

diaktifkan beroperasi 24 jam,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sehubungan itu, Che Adam merakamkan penghargaan kepada semua jabatan dan agensi yang terlibat dalam menggembelng tenaga ketika proses operasi pengurusan bencana banjir kali ini.